

# Ketam murah diserbu pelanggan

Sinar Harian 22/6/2019 mlj 20

**Peniaga jual ketam serendah RM1 di Pulau Warisan dapat sambutan**

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGAU

**K**awasan pesisir sungai di Pulau Warisan di sini menjadi tumpuan orang ramai yang ingin mendapatkan makanan laut istimewa, ketam yang dijual hanya pada harga serendah RM1

Orang ramai terutamanya penduduk di sekitar kawasan itu mula berkumpul seawal jam 8 pagi setelah mendapat maklumat mengenai jualan ketam murah RM1 hingga RM4 seekor dari Dungun yang tular menerusi media sosial sejak kelmarin.

Seorang pelanggan, Muhammad Azam Mohd, 38,

dari Kampung Tanjung berkata, dia bertolak ke lokasi kira-kira jam 7.45 pagi untuk mendapatkan ketam pada harga yang murah.

"Memang ramai yang datang ke lokasi ni setelah dapat maklumat menerusi media sosial. Ramai juga yang datang awal bila dapat tahu ketam akan mula dijual pada sebelah pagi ini (semalam).

"Saya sempat beli dalam 15 ekor ketam yang dijual pada harga RM2 sebab hari ini (semalam) stok bagi ketam RM1 tak ada.

"Jadi, dapat beli yang RM2 seekor pun tak apa sebab bagi saya harganya murah dan berbaloi," katanya.

**200kg ketam tak cukup**

Sementara itu, peniaga, Nur Amirah Syairah Alias, 32, yang berasal dari Kampung Sungai Udang, Dungun, berkata, jualan di Pulau Warisan bermula sekitar jam 9.30 pagi dan ketam yang dijual bermula pada harga RM2 hingga



Kesemua ketam yang dipilih perlu diletakkan di dalam bakul bagi memudahkan urusan pembayaran.

RM4.

"Ini hari kedua kami menjual ketam di Pulau Warisan, Kuala Terengganu. Sebelum ini, kami bermula di Arena Square, Dungun, di mana jualan dilakukan pada sebelah malam, Isnin lalu dengan menjual ketam RM1.

"Hari ini (semalam) ketam RM1 tak ada stok, jadi ketam yang dijual adalah

yang berharga RM2, RM3 dan RM4 sahaja untuk seekor.

"Semalam (kelmarin) kami bawa jual 200 kilogram (kg) ketam sahaja di sini (Pulau Warisan) dan sambutan yang diterima memang hangat, 200 kg tak cukup. Semuanya habis dalam masa tak sampai satu jam.

"Jadi, hari ini kami tam-

bah kepada 500 kg. Kesemua habis dijual sehingga jam 2 petang tadi," katanya.

Menurut Nur Amirah Syairah, dia bertolak dari Dungun sekitar jam 8 pagi dan tiba di Kuala Terengganu dalam jam 9.20 pagi.

"Sebolehnya kami memang nak sampai awal sebab tak mahu pelanggan menunggu lama.

"Tetapi stok ketam yang

kami dapat dari Rompin, Pahang, tiba dalam jam 5 pagi. Selepas kumpul stok, kami berkemas, rehat dan mula bergerak ke Kuala Terengganu," katanya.

Katanya, dia berhasrat hendak menjual ketam di Marang namun bergantung pada stok yang ada.

"Ketam ni bermusim, mungkin dua, tiga hari lagi mungkin musim ia akan habis. Kita jual ketam ini bergantung pada stok dan musim.

"Kalau stok yang dapat lebih 100kg, kami akan jual di tempat lain, kalau ada dalam 100kg sahaja, kami hanya akan jual di Dungun sahaja," katanya.

**Tak rugi jual ketam RM1**

Nur Amirah Syairah berkata, perniagaan itu dijalankan dengan bantuan adik beradik serta beberapa anak saudaranya.

Katanya, idea untuk menjual ketam RM1 itu diperolehi setelah melihat ada makanan laut lain, udang, yang dijual pada harga RM1 seekor sebelum ini.

"Niat saya nak berkongsi rezeki bersama orang ramai. Jadi bila difikirkan balik, tak rugi jual ketam RM1, sekurang-kurangnya dapat membantu orang yang mahu makan makanan itu, tetapi tak mampu sebab harga yang mahal.

"Tambahan pula, dengan keadaan ekonomi sekarang, boleh dikatakan harga bagi makanan laut pun agak mahal. Jadi, kita harap orang ramai dapat ambil peluang yang ada sementara stok masih ada," katanya.



Orang ramai mendapatkan ketam yang dijual di Pulau Warisan, di sini.



Orang ramai menyerbu Pulau Warisan bagi mendapatkan ketam yang segar dan murah.